

06 MAR 1997

#### PENGERUSI BARU DRB-HICOM IKRAR TERUSKAN WARISAN YAHAYA AHMAD

Oleh: Jeffri Mohd Rafiee & Yati Md Yassin

SHAH ALAM, 6 Mac (Bernama) -- Pengerusi kumpulan DRB-Hicom yang baru dilantik, Datuk Mohd Saleh Sulong, hari ini berikrar untuk meneruskan warisan Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad.

"Kami mesti teruskan warisan Tan Sri Yahaya, apa yang telah dibinanya dan apa yang telah diusahakannya bersungguh-sungguh. Jadi, kami mesti pertahan dan pelihara kumpulan DRB-Hicom ini," kata beliau pada satu persidangan berita di sini bagi mengumumkan pelantikannya bagi menggantikan Yahaya yang terkorban dalam nahas helikopter Isnin lalu.

"Apa yang akan terjadi kepada anak yang belumpun mencapai usia setahun ini," tambah beliau mengenai Kumpulan DRB-Hicom yang baru muncul awal tahun lalu itu.

Kumpulan DRB-Hicom, yang dibina bersama oleh Yahaya dan Mohd Saleh, telah menjadi konglomerat pengangkutan yang terkemuka di negara ini dalam tempoh yang singkat. Ia kini menguasai 60 peratus industri automobil Malaysia dalam setiap segmen berikutan penjualan 32 peratus kepentingan ekuiti dalam Hicom Holdings Bhd oleh kerajaan pada akhir tahun 1995.

Mohd Saleh berkata Yahaya meninggalkan warisan standard yang amat tinggi, dedikasi dan usaha yang berterusan dalam mengejar kecemerlangan korporat dan keusahawanan.

Kepimpinan, dorongan dan kejelasan tujuannya membangkitkan yang terbaik di kalangan rakan sekerja dan orang bawahannya serta membuatnya dihormati di dalam dan luar negara, kata Saleh.

"Sifat ini susah untuk diikuti," ujar beliau.

Mohd Saleh merupakan rakan kerja dan rakan kongsi perniagaan yang rapat dengan Yahaya apabila mereka mula menubuhkan kumpulan ini pada awal tahun-tahun 1980an melalui kumpulan Master-Carriage yang kini mengendalikan syarikat-syarikat persendirian mereka berdua.

Yahaya dan Saleh mempunyai hubungan kerja yang unik dan mereka sama-sama menghadapi kepahitan kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 80an. Mereka terus berusaha sepenuhnya dan mengecap kejayaan dengan tertubuhnya kumpulan DRB-Hicom pada akhir tahun 1995.

"Secara peribadi, semua kami terjejas kerana pemergian tragis Tan Sri Yahaya. Bagaimanapun, perniagaan kumpulan ini perlu diteruskan," kata Mohd Saleh.

Katanya, mana-mana organisasi atau negara yang kukuh dan diuruskan dengan baik mestilah bersedia dengan barisan penggantinya.

Mohd Saleh telah dilantik sebagai pengerusi Diversified Resources Bhd, Gadek (Malaysia) Bhd, Gadek Capital Bhd dan Kedah Cement Holdings Bhd di samping pelantikannya sebagai presiden dan pengerusi Hicom Holdings Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah memberi restu dan perakuan bagi Saleh menyandang jawatan pengerusi Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dan Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON).

Mohd Saleh, yang telah mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir petang ini, berkata Perdana Menteri telah mengesahkan bahawa kerajaan akan terus membantu dan memberi sokongan sepenuhnya kepada pihak DRB-Hicom demi kepentingan negara.

"Saya menyanjung tinggi jaminan sokongan kerajaan kepada perniagaan kumpulan ini oleh kepimpinan negara ini," tambah beliau.

Mohd Saleh juga berkata dalam mengambil alih sebagai pengerusi kumpulan ini, beliau akan sentiasa sedar dan berpandu kepada wawasan dan arah yang telah ditetapkan oleh Yahaya.

Katanya, "Saya senang menyatakan bahawa wawasan dan arah ini bukan asing bagi saya kerana dalam tempoh yang panjang saya bergaul dengannya, saya beruntung dapat berunding dan berbincang dengan beliau.

"Malah, beberapa gagasan dan program yang dilaksanakan oleh kumpulan ini merupakan hasil daripada perbincangan-perbincangan antara kami berdua.

"Saya akan kenangi hubungan kekeluargaan yang telah saya jalinkan bersama beliau, kerana ini membentuk asas kesinambungan wawasan dan misi bagi kami dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang berat."

Menurut Saleh struktur, sistem dan proses organisasi yang telah diasaskan oleh Yahaya begitu bersedia dan sangat berupaya menghadapi cabaran di masa akan datang.

Sebagai tanda sokongan yang tidak berbelah bagi tenaga kerja seramai 36,000 orang dalam kumpulan itu terhadap Mohd Saleh untuk meneruskan wawasan dan matlamat korporat kumpulan itu, hampir kesemua ketua eksekutif kumpulan itu hadir pada persidangan berita itu. -- BERNAMA

JR YY KY/sia